

08 OCT 2001

Parlimen-Pengganas

MALAYSIA KUTUK PENGGUNAAN KEGANASAN UNTUK SELESAIKAN MASALAH

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kerajaan Malaysia menolak dan mengutuk penggunaan keganasan untuk mencapai sebarang matlamat.

"Selagi ada cara yang terbuka untuk menyelesaikan masalah atau ketidakpuasan hati terhadap apa-apa perkara, keganasan tidak harus menjadi pilihan," katanya semasa menjawab soalan Datuk Ahmad Husni Hanadzlah (BN-Tambun) pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata peperangan konvensional tidak akan dapat mengatasi keganasan dan mengalahkan pengganas, malah peperangan hanya akan mengakibatkan orang yang tidak bersalah menjadi mangsa dan pengganas sendiri mungkin terlepas.

Katanya jika pengganas dibunuh atau ditawan, tetapi selagi sebab untuk mengganas masih ada, tiada jaminan orang lain pula tidak akan mengganas.

"Sebab itulah Kerajaan Malaysia tidak bersetuju dengan peperangan terhadap negara-negara yang dikatakan memberi perlindungan kepada pengganas.

"Ia hanya akan membawa malapetaka kepada negara berkenaan tanpa menjaya sedikitpun usaha menghapuskan keganasan atau pengganas," katanya.

Semalam, ibu negara Afghanistan, Kabul telah diserang oleh pesawat penyerang Amerika Syarikat.

Beliau berkata keganasan dan pengganas tidak boleh dikalahkan dengan cara ketenteraan tetapi yang penting ialah mengenal pasti sebab-sebab pengganas mengganas dan diikuti tindakan bagi menyelesaikan puncanya.

Hanya dengan pendekatan pemburuan serta usaha menyelesaikan punca berlakunya keganasan, barulah keganasan dapat dihentikan, katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia mengamalkan sistem demokrasi iaitu kerajaan yang tidak disukai oleh majoriti rakyat boleh ditukar melalui pilihan raya.

"Kita telah lihat bahawa hak menukar kerajaan dengan cara ini memang pun ada di Malaysia dan berkesan. Justeru itu keganasan tidak boleh menjadi pilihan di Malaysia," katanya.

Katanya keganasan bukan monopoli orang Islam kerana sudah banyak kali bangsa dan penganut agama lain termasuk Yahudi, Hindu, Buddha, Kristian dan yang tidak beragama telah melakukan keganasan.

"Amatlah tidak adil mengaitkan keganasan dengan Islam," katanya.

Beliau berkata umat Islam dan negara Islam perlu bertindak secara rasional untuk menentang keganasan bagi memulihkan imej Islam.

Katanya negara-negara Islam perlu mendesak supaya diadakan satu persidangan Negara-negara Islam dan kemudiannya persidangan antarabangsa untuk membincang masalah keganasan dan tafsirannya.

"Hari ini terdapat banyak tafsiran yang berbeza, terutama berkenaan dengan keganasan yang dilakukan oleh beberapa kerajaan negara-negara tertentu ke atas rakyat asing. Undang-undang antarabangsa mesti digubal untuk membendung keganasan dan pengganas," katanya.

Hanya jika Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) bersikap dan bertindak secara rasional dalam menghadapi isu pengganas dan keganasan, barulah imej Islam dapat dipulihkan, kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RZS AKT LAT